

Fellow Perdana bermanfaat untuk pemimpin peringkat universiti

UM 3.10.2013 8

KOTA KINABALU 1 Okt. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin secara peribadi bersetuju dengan usaha mewujudkan 'Fellow Perdana' yang dikemukakan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin bagi mengenal pasti golongan pemimpin berkaliber dalam kalangan mahasiswa.

Beliau berkata, program tersebut bukan sahaja dilihat berpotensi mencungkil bakat kepimpinan yang ada dalam diri pemimpin persatuan mahasiswa malah memberi pendedahan berguna kepada golongan tersebut.

Katanya, pemimpin pelajar yang dikenal pasti dalam program itu boleh ditempatkan bersama Menteri bagi membolehkan barisan kepimpinan baharu di peringkat universiti tersebut mengikuti segala aktiviti serta program yang disertai Menteri.

Menurut beliau, program itu boleh membuka ruang kepada pe-

mimpin pelajar mempelajari kemahiran daripada mentor mereka ketika menteri berkenaan turun padang, menghadiri mesyuarat serta turun berkempen.

"Saya mendapat maklum balas program seumpama itu sangat bermanfaat kepada golongan pemimpin baharu kerana mereka akan mengikuti segala aktiviti yang disertai menteri.

"Mereka dapat mengetahui bagaimana perjalanan negara kerana ikut serta dalam semua aktiviti menteri tersebut termasuk duduk sama dalam mesyuarat dan berkempen jika ada pilihan raya kecil," katanya.

Beliau berucap dalam Majlis Ramah Mesra Siswa Siswi Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman dan Naib Can-

selor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, program percubaan itu yang dilakukan sebelum ini melibatkan sebanyak 70 pemimpin peringkat universiti sangat bermanfaat dalam membentuk barisan kepimpinan masa hadapan.

Beliau berkata, program itu bukan sahaja dapat melatih sifat dan keperibadian kepimpinan penuntut malah menguji tahap kepimpinan yang dimiliki seseorang penuntut untuk menjadi pemimpin sebenar.

Katanya, golongan kepimpinan baharu itu akan dapat memahami situasi sebenar dan boleh bertindak balas jika berlaku situasi sama pada masa hadapan.

"Kita akan beri sokongan sekiranya program ini mahu diperkenalkan kerana mampu menonjolkan keupayaan barisan kepimpinan baharu yang lebih dinamik pada masa hadapan," katanya.